

董总向首相纳吉提出的8项华教诉求

# MASALAH-MASALAH PENDIDIKAN SEKOLAH- SEKOLAH CINA YANG PERLU DISELESAIKAN DENGAN SEGERA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman kepada YAB Dato' Sri, bahawa sekolah-sekolah Cina di negara kita menghadapi pelbagai masalah pendidikan yang masih tidak diselesaikan selama ini. Sehubungan itu, Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia (Dong Zong) dengan ikhlasnya menyerahkan dan merujukkan surat ini kepada YAB Dato' Sri, dan dengan hormatnya berharap YAB Dato' Sri memberi pertimbangan yang saksama dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Cina. Antara masalah-masalah utama yang perlu diselesaikan segera adalah:

- (1) Masalah kekurangan guru yang serius di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).
- (2) Masalah penempatan guru-guru yang tidak berkelayakan Bahasa Cina masih dihantar ke Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- (3) Ketidakpengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate / UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC).
- (4) Masalah-masalah kesukaran permohonan pendaftaran ahli-ahli lembaga pengelola sekolah, kelambatan yang serius dalam memproses permohonan pendaftaran dan pengeluaran sijil perakuan pendaftaran ahli-ahli lembaga pengelola Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina, serta merampas secara tidak sah di sisi undang-undang terhadap kuasa dan hak-hak lembaga pengelola Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- (5) Kesalahan dalam surat kelulusan penubuhan Sekolah Menengah Chong Hwa Kuantan dan ianya hendaklah diperbetulkan supaya memenuhi keperluan sistem Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina.
- (6) Meluluskan penubuhan Sekolah Menengah Persendirian Cina di Segamat dan kawasan-kawasan yang memerlukannya.
- (7) Masalah peruntukan pembangunan yang terlalu sedikit kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- (8) Pelaksanaan mekanisme normal penubuhan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dengan penyediaan tanah rizab sekolah dan peruntukan yang diperlukan untuk pembinaan sekolah-sekolah tersebut.

3. Persatuan kami telah banyak kali berbincang masalah-masalah tersebut dengan Kementerian Pelajaran termasuklah pernah menghadiri mesyuarat meja bulat dan juga mengemukakan memorandum dan surat, serta berjumpa dan berbincang dengan Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr. Wee Ka Siong yang bertanggungjawab dalam urusan pendidikan Cina. Walaupun begitu, masalah-masalah tersebut masih tidak diselesaikan.

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单

4. Dengan ini kami melampirkan kertas tandatangan orang ramai melebihi 30 ribu orang yang dikumpul dari 10 hingga 24 September 2012 dengan tujuan untuk melaporkan suara hati rakyat kepada YAB Dato' Sri supaya meyelesaikan masalah-masalah pendidikan sekolah-sekolah Cina. Selain itu, kami melampirkan lagi dokumen yang bertajuk "Pendirian dan Permintaan Tujuh Pertubuhan Cina dalam Isu Pendidikan" yang telah kami serahkan kepada YAB Dato' Sri pada 23 Ogos 2012 dan berharap kerajaan prihatin dan melaksanakannya.

5. Persatuan ini dengan hormatnya menyeru kerajaan agar melaksanakan dasar pendidikan kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) dengan memberi layanan yang adil kepada semua aliran sekolah dan memastikan pembangunan dan kesinambungan semua pendidikan bahasa ibunda termasuk sekolah-sekolah Cina supaya negara kita dapat menonjolkan keunikan dan memperkembangkan kelebihan masyarakat yang berbilang bangsa, mempertingkatkan kemakmuran dan kemajuan negara serta mengeratkan perpaduan dan keharmonian masyarakat negara kita.

Sekian, salam sejahtera dan terima kasih.